

TARIKH : 11 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25

PETRONAS jual 74 peratus saham dalam Engenn

PETRONAS jual 74 peratus saham dalam Engen

PETRONAS mencapai persetujuan untuk menjual keseluruhan kepentingan 74 peratus dalam Engen Ltd kepada Vivo Energy, antara pengendali runcit bahan api Afrika terbesar dan sebahagian daripada syarikat tenaga multinasional Vitol.

“Selama hampir tiga dekad, Engen menjadi bahagian penting dalam portfolio perniagaan kumpulan.

“Pengiktirafan ke atas sejarah syarikat yang panjang serta cemerlang selama 140 tahun, kekuatan dan keupayaan Engen terus berkembang sebagai peneraju pasaran yang mampu meraih anugerah serta menjadi peneraju yang berfokuskan pelanggan di Afrika Selatan,” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS,

Datuk Tengku Muhammad Taufik Tengku Aziz, dalam satu kenyataan.

Keputusan PETRONAS untuk berundur serta membentuk semula portfolionya didorong keutamaan perniagaan yang berkembang, namun kumpulan itu mengharagai potensi Engen dan mengakui bahawa ini adalah langkah yang perlu ke hadapan bagi mempercepatkan lagi pertumbuhannya.

Tengku Muhammad Taufik berkata, dengan asas yang kukuh, PETRONAS percaya Vivo Energy bukan sahaja akan mengekalkan operasi yang mantap bagi Engen tetapi akan membantu mengemudi syarikat itu melalui fasa pertumbuhan seterusnya.

“Adalah tidak wajar jika PETRONAS tidak merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada

rakan-rakan Engen kami yang sudah memberikan sokongan tidak berbelah bahagi sehingga membolehkan kami mencapai banyak kejayaan secara bersama, jadi kami berharap untuk melihat mereka maju dalam fasa pertumbuhan seterusnya,” katanya.

Pemegang saham sejak 1998

Berdasarkan kenyataan itu, PETRONAS pertama kali memperoleh saham Engen pada 1996 dan menjadi pemegang saham majoriti menjelang 1998.

Engen terbabit dalam pemasaran petroleum, pelincir serta cecair khusus, bahan kimia dan perkhidmatan kemudahan peruncitan.

Syarikat itu kini mengendalikan jejak runcit terbesar dengan kira-kira 1,300 stesen servis di tu-

juh negara di sub-Sahara Afrika dan Kepulauan Lautan Hindi.

Phembani Group, rakan kongsi lama PETRONAS di Afrika dan pemegang saham ‘Broad Based Black Economic Empowerment’ (B-BBEE), akan kekal sebagai pemegang saham dalam Engen bersama Vivo Energy.

Katanya lagi, Engen akan terus melaksana strateginya serta kekal fokus menetapkan kecermerlangan operasi dan komersial, kedua-duanya semasa tempoh prapenyelesaian dan selepas kejayaan transaksi berkenaan di bawah pengawasan Vivo Energy.

PETRONAS dinasihatkan oleh Morgan Stanley serta Rothschild and Co dan transaksi itu tertakluk kepada syarat lazim termasuk kelulusan kawal selia.

BERNAMA